

**SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN GERAN BANTUAN KHAS  
SECARA ONE-OFF RM3000.00 DI BAWAH INISIATIF PROGRAM STRATEGIK  
MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA) BAGI SYARIKAT  
PENGENDALIAN PELANCONGAN YANG BERLESEN DI BAWAH MOTAC**

1. Hanya syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang **berlesen dengan MOTAC sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini.**
2. **Hanya pemegang lesen yang masih sah berkuatkuasa dengan MOTAC semasa permohonan dibuat layak menerima bantuan kewangan ini.**
3. Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang telah **tamat tempoh sah laku pada/selepas 1 Januari 2020** dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen berserta dengan bayaran fi proses sebelum/pada **15 Julai 2021** berdasarkan Garis Panduan Pembaharuan Lesen sedia ada **layak menerima bantuan kewangan ini.**
4. Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang **telah tamat tempoh sah laku sebelum/pada 31 Disember 2019** dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen dalam tempoh pelaksanaan **PEMERKASA 2021 (17 Mac 2021 sehingga 15 Julai 2021)** tidak layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan kewangan ini.
5. Mana-mana Syarikat Pengendali Pelancongan yang mempunyai kompaun tertunggak yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] layak untuk menerima bantuan kewangan ini.
6. Syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang layak menerima bantuan ini perlu mengemukakan Borang PEMERKASA TOBTAB kepada Pejabat MOTAC Negeri mengikut lokasi Ibu Pejabat dilesenkan.
7. Pemberian Bantuan Kewangan Geran Bantuan Khas sebanyak RM3000 ini hanya akan diberikan secara *one-off* kepada lesen Ibu Pejabat sahaja.

8. Pemberian bantuan kewangan ini **hanya diberikan secara One-Off kepada syarikat yang layak sahaja.**

